



## **KISAH KEJAYAAN** **SUKU TAHUN KEDUA 2016**

### **PUSAT INTERNET 1 MALAYSIA KG SEPERI**

<b>ITEM JENIS</b>	<b>INFORMATION MAKLUMAT</b>
<b>Name of PI1M Nama PI1M</b>	Pusat Internet 1 Malaysia Kg Seperi
<b>Location Lokasi</b>	Bengkel Kraftangan Kg Seperi 71650 Titi, Jelebu, Negeri Sembilan. (Wilayah Tengah)
<b>Name of person(s) Nama</b>	Encik Anuar Bin Yaakob
<b>Details of person (s) Butiran diri</b>	<p><i>Age, gender, education level, occupations Umur, jantina, taraf pendidikan, pekerjaan.</i></p> <p>Umur : 46 Tahun Jantina : Lelaki Pekerjaan : Broker Tanah (kawasan Jelebu)</p>
<b>Success story Kisah kejayaan</b>	<p>1. <i>How did you use the internet to achieve your success, please elaborate your story Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda</i></p> <p>Saya merupakan seorang broker tanah di kawasan Jelebu dan sebelum saya tahu kewujudan PI1M Kg Seperi, saya selalu mencari maklumat di cyber cafe yang berdekatan. Dengan adanya kemudahan pusat internet 1 Malaysia, saya selalu mengunjungi PI1M Kg. Seperi untuk mencari maklumat berkaitan dengan urusan kerja. Segala maklumat yang diperlukan mudah untuk didapati kerana mempunyai capaian internet yang laju. Oleh sebab itu, segala urusan kerja saya dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat. Walaupun saya kurang mahir dalam menggunakan komputer untuk membuat urusan kerja, saya mendapatkan tunjuk ajar daripada pengurus dan penolong pengurus yang bertugas tentang penggunaan komputer dan internet. Di samping itu, PI1M Kg Seperi sangat selesa untuk saya membuat urusan kerja berbanding di cyber cafe yang bising dan kadar bayaran yang dikenakan agak mahal.</p> <p>2. <i>How did your life improved after learning how to use the internet</i></p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p><i>Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</i></p> <p>Saya berkunjung ke Pi1M Kg. Seperi untuk melayari internet dan mendapatkan maklumat mengenai urusan kerja. Dengan kemudahan ini, saya dapat memperbaiki hidup saya dengan membuat iklan mengenai tanah yang ingin dijual sekitar jelebu di dalam fb dan laman web seperti mudah.my. Dengan itu, saya mendapat bilangan pelanggan yang semakin ramai dari masa ke masa untuk membeli tanah.</p>
<b>Keterangan gambar</b> <b>Photo caption</b>	<p><i>Describe activity and person(s) in every photo provided</i>  <i>Huraikan aktiviti dan orang pada setiap gambar yang telah disediakan.</i></p>  <p>Kelas belajar menaip</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT																																						
																																							
	<p>Mengisi maklumat pembeli dengan menggunakan perisian Microsoft Office Word</p>  <p>Receipt details:</p> <table border="0"> <tr> <td>No. Telefon: 012-3456789</td> <td>No. Kad Kredit: 1234567890123456</td> </tr> <tr> <td>Wajah</td> <td>Harga</td> </tr> <tr> <td>Pembuat</td> <td>Antara</td> </tr> <tr> <td>Malaysian</td> <td>Keluaran</td> </tr> <tr> <td>Foto</td> <td>Barisan</td> </tr> <tr> <td>No Cat</td> <td>Lorong 2008</td> </tr> <tr> <td>Ivan Lee</td> <td>10-AWY-XXXXXX</td> </tr> <tr> <td>Kelulusan</td> <td>Pertama</td> </tr> <tr> <td>Pembeli</td> <td>Pertama kali membeli</td> </tr> </table> <p>Tax ID: A123456789-09-53123</p> <table border="0"> <tr> <td>Consignee</td> <td>: 13 Januari 2016</td> </tr> <tr> <td>Harga jualan</td> <td>: RM42000</td> </tr> <tr> <td>Harga tawaran</td> <td>: RM20000</td> </tr> <tr> <td>Letihan baki</td> <td>: RM10000</td> </tr> <tr> <td>Consigner</td> <td>: RM8000</td> </tr> <tr> <td>Ukur tanah</td> <td>: RM7000</td> </tr> <tr> <td>Pauz bin Mohd Isa</td> <td>: RM42000</td> </tr> <tr> <td>Ismail bin Abd Ghani</td> <td>: RM31250</td> </tr> <tr> <td>Amran bin Yaakob</td> <td>: RM3250</td> </tr> <tr> <td>Rayaran</td> <td>: Januari 2016</td> </tr> </table> <p>Antara salinan geran yang berjaya dicetak oleh En Anuar untuk diserahkan kepada pembeli</p>	No. Telefon: 012-3456789	No. Kad Kredit: 1234567890123456	Wajah	Harga	Pembuat	Antara	Malaysian	Keluaran	Foto	Barisan	No Cat	Lorong 2008	Ivan Lee	10-AWY-XXXXXX	Kelulusan	Pertama	Pembeli	Pertama kali membeli	Consignee	: 13 Januari 2016	Harga jualan	: RM42000	Harga tawaran	: RM20000	Letihan baki	: RM10000	Consigner	: RM8000	Ukur tanah	: RM7000	Pauz bin Mohd Isa	: RM42000	Ismail bin Abd Ghani	: RM31250	Amran bin Yaakob	: RM3250	Rayaran	: Januari 2016
No. Telefon: 012-3456789	No. Kad Kredit: 1234567890123456																																						
Wajah	Harga																																						
Pembuat	Antara																																						
Malaysian	Keluaran																																						
Foto	Barisan																																						
No Cat	Lorong 2008																																						
Ivan Lee	10-AWY-XXXXXX																																						
Kelulusan	Pertama																																						
Pembeli	Pertama kali membeli																																						
Consignee	: 13 Januari 2016																																						
Harga jualan	: RM42000																																						
Harga tawaran	: RM20000																																						
Letihan baki	: RM10000																																						
Consigner	: RM8000																																						
Ukur tanah	: RM7000																																						
Pauz bin Mohd Isa	: RM42000																																						
Ismail bin Abd Ghani	: RM31250																																						
Amran bin Yaakob	: RM3250																																						
Rayaran	: Januari 2016																																						

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	 <p>En Anuar membuat iklan di laman web mudah.my supaya dapat memudahkan urusan pelanggan</p>
<b>Feedback Maklumbalas</b>	<p>1. <i>What was your first impression towards PI1M? Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?</i></p> <p>Saya merasakan PI1M adalah pusat sehenti dimana segala kemudahan atau perkhidmatan terdapat di PI1M. Oleh sebab itu, saya rasa segala urusan kerja saya boleh diselesaikan di PI1M.</p> <p>2. <i>What attracted you to come and use the facilities in PI1M? Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</i></p> <p>PI1M merupakan sebuah tempat yang sangat selesa untuk saya membuat urusan kerja terutama sekali membuat/memuat naik iklan di laman web mudah.my kerana mempunyai capaian internet yang sangat laju. Di samping itu, PI1M juga menawarkan perkhidmatan yang lain seperti perkhidmatan fotokopi dan mesin pencetak serta berdekatan dengan kawasan rumah saya. Dengan itu, segala urusan kerja dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat.</p> <p>3. <i>How can PI1M help others to be successful? Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</i></p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>PI1M sangat membantu terutamanya kepada golongan usahawan macam saya yang tiada kemudahan internet di rumah untuk memuat naik atau membuat iklan di laman web mudah.my. Tambahan pula, cyber cafe terletak jauh di pekan dan menawarkan perkhidmatan untuk mencetak yang agak mahal berbanding dengan PI1M. Selain itu, saya juga banyak mendapat tunjuk ajar daripada petugas PI1M tentang cara-cara membuat iklan atau memuat naik gambar di laman web mudah.my dan penggunaan internet secara berhemah.</p> <p>4. <i>Can you suggest improvement to be made to PI1M? (facilities, training activities, promotions, etc)</i>  <i>Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain).</i></p> <p>Selaras dengan usaha murni pihak kerajaan dalam memajukan penduduk di luar bandar terutamanya, PI1M harus diperbanyak lagi seluruh Malaysia kerana dapat membantu penduduk di luar bandar khususnya menimba ilmu dan tidak ketinggalan dengan arus pemodenan . Selain itu, promosi mengenai PI1M juga perlu dipergiatkan lagi supaya dapat menarik minat ramai lagi penduduk setempat untuk berkunjung ke sini untuk mendapatkan kemudahan dengan melayari internet dan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah disediakan.</p>